# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 28 DISEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3. | GOOD RESPONSE TO AGRO MADANI SALE, NATION, THE SUN -3<br>GOVT CONDUCTED TOTAL 5,573 JUALAN AGRO MADANI IN YEAR, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A19<br>SESI, NILAI JUALAN AGRO MADANI LEPASI SASARAN, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -1 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 4.<br><br>5. | LEBIH 10 RIBU KUNJUNG MINI HIMPUNAN RUMINAN, PERLIS, HARAKAH -H10<br>PEMILIK LADANG LEMBU DIARAH HENTI OPERASI 14 HARI, NASIONAL, BH -19 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 6.<br><br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br><br>11.<br><br>12.<br><br>13.<br><br>14.<br>15. | BIOTEKNOLOGI TINGKAT HASIL TANAMAN JAMIN BEKALAN MAKANAN, MINDA PEMCABA, BH -13<br>BANTERAS KARTEL AYAM PASTIKAN EKONOMI TELUS, LOKAL, HM -16<br>BILA TINDAKAN KE ATAS KARTEL BERAS PULA?, DALAM NEGERI, UM -5<br>BANJIR TENGGELAMKAN KANDANG TERNAKAN, NASIONAL, SH -6<br>TERPAKSA TINGGAL TERNAKAN AKIBAT STOK MAKANAN TERPAKSA, LOKAL, HM -8<br>SANGKAR IKAN DITAMBAT KE POKOK ELAK DIHANYUT ARUS DERAS, LOKAL, HM -6<br>PROJEK NUCLEUS GREEN VALLET IKUT PIAWAIAN JAS, KELANTAN, HARAKAH -H13<br>MASALAH PETANI DI KUALA KEDAH AKAN DIBENTANG -DR FAKHRUDDIN, UTARA, HARAKAH -H16<br>17 NELAYAN TERIMA MANFAAT PROJEK PSN, PERLIS, HARAKAH -H23<br>KARNIVAL MINI RUMINAN PERLIS BERJAYA TARIK 10,000 PENGUNJUNG, PERLIS, HARAKAH -H23 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/12/2023 | THE SUN | NATION | 3 |

# Good response to Agro Madani sale

**KUALA LUMPUR:** Almost half a ton of chicken, 100 trays of Grade C eggs and 100 10kg bags of rice were sold out in less 30 minutes at the Agro Madani Sale held at the Selayang Municipal Council parking lot yesterday.

The encouraging response resulted in the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) imposing a limit of only one bird, one tray of eggs and one bag of rice per customer.

At the event, 2.2kg of chicken was sold at RM10, one tray of Grade C eggs at RM12.50 and a 10kg bag of rice at RM26.

According to a Fama spokesperson, chicken, eggs and rice were popular items during such sales.

Visitors arrived as early as 7.30am to buy various dishes such as *nasi lemak, nasi ambeng, soto* and *nasi gulai kawah utara* for breakfast while waiting for the sale of chicken, eggs and rice to begin at 10am. – Bernama

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Govt conducted total 5,573 Jualan Agro Madani in a year | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 28 Dec 2023 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A19 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 124 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 939 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,818 |



## 农业部：全国办5573场

# 昌明农业市集超越目标

（布城27日讯）截至本月24日，政府已在全国举办5573场昌明农业市集（Jualan Agro MADANI），销售总额达[illegible]9276万令吉，双双超越今年的目标。

根据农业及粮食安全部发布的资讯图，其中的1097场市集是在高密度住宅区举办，以及另有546场设在政府场所。

“已有7万4639名企业家参与昌明农业市集，以及吸引288万名访客到场，并省下2750万令吉，它也惠及1150万户家庭。”

这项由农业及粮食安全部长末目斯里莫哈末沙布于今年4月16日推出的倡议，放眼在今年举办5000场市集，并创下3900万令吉的总销售额。

昌明农业市集计划的前身是农场直销计划（JTDL），并由联邦农业销售局（FAMA）与农民组织局（LPP）和渔业发展局（LKIM）携手推行。

这项倡议旨在协助全国人民购买价格公道的生鲜产品，以及比市价便宜10%至30%。

昌明农业市集的主要卖点是生鲜农产品如蔬菜、水果、鸡肉、鸡蛋、鱼、糖和食油，以及昌明组合（Kombo MADANI）促销。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sesi, nilai jualan Agro Madani lepasi sasaran | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 28 Dec 2023 | Color | Full Color |
| Section | Tempatan | Circulation | 25,055 |
| Page No | 1 | Readership | 75,165 |
| Language | Malay | ArticleSize | 162 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 861 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,582 |



# Sesi, nilai jualan Agro Madani lepasi sasaran

PUTRAJAYA: Kerajaan telah mengadakan 5,573 sesi Jualan Agro Madani di seluruh negara yang membabitkan nilai jualan RM92.76 juta setakat 24 Dis, sekali gus melebihi sasaran ditetapkan tahun ini.

Berdasarkan infografik status pencapaian Jualan Agro Madani bertarikh 24 Dis yang dikeluarkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), jumlah itu termasuk 1,097 sesi jualan di kawasan perumahan berkepadatan tinggi dan 546 sesi jualan di kompleks kerajaan.

"Jualan Agro Madani telah disertai 74,639 usahawan dan 2.88 juta pengunjung, dengan nilai penjimatan kira-kira RM27.5 juta. Ia turut memanfaatkan 11.5 juta isi rumah," menurutnya.

Inisiatif dilancarkan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu pada 16 April lepas itu menyasarkan 5,000 sesi jualan dengan RM39 juta nilai jualan tahun ini. – Bernama



**PEKARANGAN PPS Masjid Nur Iman di Sandakan.**

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/12/2023 | HARAKAH | PERLIS | H10 |

# Lebih 10 ribu kunjungi mini himpunan Ruminan

Oleh NOOR SARA MASHITOH MOHAMAD HANIF



Lembu sado di Perlis.



Para peserta bergambar kenangan bersama Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli dan Exco Pertanian negeri, Razali Saad (berbaju biru).

**PADANG BESAR:** Karnival Mini Himpunan Ruminan Negeri Perlis yang julung kali diadakan berjaya menarik penyertaan lebih 10,000 pengunjung.

Program anjuran Persatuan Penternak Ruminan Negeri Perlis selama tiga hari (22 hingga 24 Disember) dapat menghimpunkan 44 ekor lembu sado (baka Hybrid) yang dianggarkan berat 500 kilogram setiap seekor.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan Dan Industri Makanan Negeri, Razali Saad berkata, pelbagai acara turut diadakan bagi memeriahkan program demikian.

"Di samping memberi peluang kepada pengunjung hadir melihat sendiri baka lembu ini, pelbagai acara turut berlangsung antaranya Pertandingan Lembu Sado dan Pertandingan Kambing Pejantan Terbaik.

"Untuk tahun hadapan sempena Tahun Melawat Perlis 2024, akan diadakan di peringkat kebangsaan khususnya utara, wilayah utara, Perak utara, Pulau Pinang, Kedah dan juga Perlis," katanya pada ucapan aluannya sempena Majlis Penutupan Karnival Mini Himpunan Ruminan Negeri Perlis di Taman Agrovet, di sini.

Sementara itu majlis penutup karnival berkenaan disempurnakan Menteri Besar, Mohd Shukri Ramli.

Jelasnya lagi, jumlah ternakan lembu di negeri itu adalah sebanyak 5,964 ekor dengan 40 peratus daripadanya adalah lembu betina berdasarkan bancian ternakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (2022 hingga 2023).

Daripada keseluruhan bilangan itu, katanya sebanyak 15 peratus lembu betina dijalankan permanian beradas untuk mendapatkan anak lembu baka hyrib atau baka sado dengan bilangan lembu sado induk dalam negeri adalah sebanyak 631 ekor.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 28/12/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 19 |

# Pemilik ladang lembu diarah henti operasi 14 hari



*Air dalam parit berhampiran dipercayai tersumbat dan berwarna hitam berpunca daripada sisa najis lembu diusahakan warga asing berhampiran Jalan Pak Itam, Jeram, Kuala Selangor.* (Foto Amirul Aiman Hamsuddin/BH)

## Premis punca bau busuk turut sebabkan parit berhampiran tersumbat

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my


Ladang lembu milik warga asing punca bau busuk

*Keratan akhbar BH, Sabtu lalu.*

**Kuala Selangor:** Pemilik sebuah ladang ternakan yang menyebabkan lebih 200 penduduk di Jalan Pak Itam, Batu 19, Jeram, di sini, resah dan tidak selesa dengan bau najis pada Jumaat lalu, diarah menghentikan aktiviti selama 14 hari.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS), Mohamad Hanafe Basri, berkata walaupun penternakan dijalankan di tanah persendirian, ia tetap menyebabkan bau busuk kepada penduduk sekitar.

"Hasil pemantauan di ladang berhadapan Klinik Kesihatan Jeram itu mendapati ada bau kurang menyenangkan yang menyebabkan gangguan daripada aktiviti penternakan kambing dan lembu.

"Sehubungan itu, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran memberikan Notis Menghendaki Kacau Ganggu Bau Dihapuskan, manakala Jabatan Penguatkuasaan juga memberikan Notis Menghentikan Aktiviti Penternakan dalam tempoh 14 hari," katanya menerusi kenyataan, kelmarin.

Media sebelum ini melaporkan keadaan dialami penduduk kawasan itu dikatakan berlaku berpunca bau najis dari ladang ternakan.

### Ternakan diusaha warga asing

Ia dipercayai diusahakan warga asing yang sebelum ini hanya menanam pelbagai sayuran, tetapi kini dikatakan menternak lembu, kambing dan rusa.

Tinjauan di lokasi mendapati, jarak rumah penduduk dengan ladang yang dibina tahun lalu itu hanya bersebelahan, iaitu kira-kira 50 meter.

Bukan itu sahaja, air dalam parit berhampiran kelihatan tidak dapat mengalir dipercayai tersumbat dan berwarna hitam menandakan ia dipenuhi sisa dari premis terbabit.

Dalam perkembangan sama, Mohamad Hanafe berkata, hasil pemantauan MPKS pada 30 November lalu mendapati terdapat 30 haiwan ternakan, termasuk kambing di dalam kandang di kawasan tanah persendirian terbabit.

"Pada masa sama, pemilik tanah turut melakukan aktiviti penternakan ikan membabitkan dua kolam," katanya.

Susulan itu, tindakan pihak berkuasa tempatan (PBT), pemilik tanah akan memindahkan operasi penternakan pada masa terdekat.

"Pemantauan berterusan dijalankan bersama bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kuala Selangor, semalam," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/12/2023 | BERITA HARIAN | MINDA PEMBACA | 13 |

# Bioteknologi tingkat hasil tanaman jamin bekalan makanan

**Sofea Aliah Mahfiz,**
Universiti Malaysia Terengganu

**Ketika** ini seluruh dunia bercakap mengenai isu keterjaminan makanan. Hal ini menjadi tumpuan susulan faktor cuaca juga peperangan yang menjejaskan rantaian import dan eksport sesetengah makanan ruji seperti beras juga gandum.

Malaysia tidak terkecuali. Susulan tindakan pengeksport beras paling besar di dunia, India membuat keputusan secara drastik menghentikan pengeksportan beras bukan basmati ke luar negara pada Julai lalu, ia memberi kesan secara langsung kepada negara pengimport seperti Malaysia.

Peperangan antara Russia dan Ukraine yang tidak nampak titik noktahnya juga memperhebatkan lagi gangguan bekalan makanan. Peperangan bukan sahaja akan menjejaskan hubungan diplomatik dan kemusnahan harta awam, tetapi juga memberi tekanan kepada aktiviti ekonomi dalam negara. Ia juga mengakibatkan kemusnahan ladang, ternakan dan sumber pertanian yang akhirnya akan mengganggu amalan pertanian secara lestari.

Secara relatifnya, konflik itu tidaklah memberikan kesan secara langsung kepada keterjaminan makanan di Malaysia atas sebab kebergantungan kita yang lebih besar kepada negara seperti China dan Thailand. Ia berbeza bagi negara pengimport di sebelah Asia Barat dan Afrika Utara yang menjadikan bijirin seperti gandum sebagai sumber makanan utama mereka.

Namun begitu, Malaysia bergantung kepada Russia dalam pengimportan baja kimia seperti sulfur. Justeru, untuk tempoh masa yang panjang, konflik antara dua buah negara itu sedikit sebanyak memberi kesan kepada Malaysia. Hal ini akan menyebabkan pengusaha tempatan terpaksa menyediakan perbelanjaan yang tinggi dalam mengusahakan kebun. Perkara ini akan membangkitkan isu kenaikan harga terhadap produk makanan kepada penduduk tempatan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan, atas faktor harga baja yang diimport.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu juga ada menyatakan dalam konteks semasa, Malaysia perlu mula mengutamakan negara anggota ASEAN sebagai pembekal utama makanan misalnya Thailand. Apatah lagi dengan jarak antara kedua negara yang sangat dekat akan menjimatkan dari segi kos.

### Bangunkan bekalan makanan sendiri

Namun, ia mungkin langkah terbaik untuk jangka masa pendek. Hal yang lebih utama adalah keperluan untuk kerajaan membangunkan stok bekalan makanan sendiri. Misalnya, kerajaan perlu memikirkan untuk membangunkan kembali industri pertanian dan memperkasakannya. Ia boleh dibuat misalnya menerusi pemberian subsidi kepada petani.

Alternatif ini adalah untuk memberi galakkan kepada penduduk tempatan supaya meningkatkan pengeluaran sekali gus mengukuhkan keterjaminan makanan negara. Ia mampu menangani isu kebergantungan negara terhadap produk import.

Selain itu hal yang lebih utama juga adalah mempromosikan kepada generasi muda mengenai kepentingan industri pertanian itu sendiri.

Program galakan bagi mempertingkatkan minat mereka untuk menceburi bidang pertanian perlu dipertingkatkan.

Amat penting untuk mengubah tanggapan generasi muda terhadap sektor pertanian dan menjadikan industri itu sebagai bidang kerjaya yang menjana pendapatan lumayan.

Isu keterjaminan makanan juga sebenarnya membuka ruang untuk mempercepatkan pertumbuhan agrobioteknologi. Hal ini perlu dibuat dengan kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta.

Perkara ini perlu dipandang serius kerana bioteknologi dapat meningkatkan ketahanan tumbuhan terhadap perosak dan penyakit yang boleh mengurangkan jumlah produk fitosanitari (tumbuhan yang bebas daripada perosak dan penyakit) yang akan digunakan serta dieksport.

Tumbuhan yang membesar secara bioteknologi juga membolehkan penghasilan pelbagai jenis tanaman yang rentan dengan penggunaan racun dan menjadikan kawalan rumpai lebih mudah. Bioteknologi juga memberi kebaikan dengan mengurangkan kos pengeluaran dan lebih mudah diurus kerana dapat mengurangkan penggunaan racun perosak serta menjadikan tanaman tahan lasak terhadap perubahan iklim.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/12/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |


# Banteras kartel ayam pastikan ekonomi telus

**Kuala Lumpur:** Kewujudan kartel menguasai penetapan harga ayam adalah aktiviti perniagaan songsang yang perlu dibanteras untuk memastikan aktiviti ekonomi berjalan dengan telus dan lancar.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, usaha pihak berkuasa membanteras aktiviti perniagaan songsang amat digalakkan, malah wajar diperhebatkan setiap masa.

Menurutnya, ini bagi memastikan sesuatu pasaran boleh berfungsi secara normal iaitu harga barang akan bergerak mengikut permintaan dan penawaran di dalam pasaran.

"Penentuan harga akan berlaku secara cekap dan dibantu pula penguatkuasaan oleh pihak berkuasa supaya pemain pasaran akan mengikut lunas undang-undang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas isu kartel ayam yang mengawal pasaran dan tindakan sewajarnya perlu dilakukan pihak berkuasa.

Dalam taklimat media oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pada Jumaat lalu, agensi itu mendedahkan sebanyak RM415 juta penalti dikenakan terhadap lima syarikat pengeluar makanan ayam yang didapati melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) melalui pembentukan kartel penetapan harga ayam.

Syarikat terbabit ialah Dindings Poultry Development Centre Sdn Bhd (Dinding), FFM Berhad (FFM), Gold Coin Feedmills (M) Sdn Bhd (Gold Coin), Leong Hup Feedmill (M) Sdn Bhd (Leong Hup) dan PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd (PK Agro).

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/12/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 5 |

# Bila tindakan ke atas kartel beras pula?

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Para pesawah mempersoal bila kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap kartel-kartel yang dikatakan menguasai 80 peratus pasaran beras negara itu yang menyaksikan masalah ketiadaan bekalan beras tempatan sebelum-sebelum ini.

Tindakan setegas-tegasnya perlu dilakukan terhadap kartel beras dan padi ini sama seperti tindakan yang dikenakan terhadap syarikat yang didakwa membentuk kartel bagi memanipulasi harga ayam dan telur di negara ini baru-baru ini, sekali gus bakal memberi peringatan dan pengajaran kepada mereka.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 60, berkata, ketiadaan beras tempatan berpunca daripada kartel atau kilang-kilang besar ini termasuk didakwa mencampur beras tempatan dan beras import bagi mengaut lebih keuntungan.



Berpakat tetapkan harga, beri kesan kepada pasaran

**Kartel makanan ayam didenda RM415 juta**



Malah katanya, kartel-kartel tersebut juga selalu bermain harga belian padi dengan sebelum ini mereka membeli padi dengan harga RM1,700 bagi satu tan metrik hasil namun dalam masa beberapa minggu sahaja selepas itu turun kepada RM1,300 sekali gus memberi kesan kepada para pesawah.

Ujarnya, isu ketiadaan beras tempatan di pasaran sebelum ini tidak sepatutnya berlaku memandangkan pengeluaran beras tempatan adalah lebih 60 peratus.

"Tindakan tegas terhadap kartel-kartel beras ini sepatutnya dilakukan sejak dahulu lagi kerana mereka sudah selesa menguasai pasaran beras di negara ini.

"Tidak boleh ada lagi kompromi terhadap kartel beras ini sama seperti kartel-kartel ayam yang telah dikenakan tindakan," katanya yang mengusahakan tanaman padi sejak lebih 40 tahun lalu.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, lima syarikat yang membentuk 'kartel makanan ayam' untuk tujuan menetapkan harga, sekali gus membawa kesan kepada harga ayam di pasaran dikenakan denda sebanyak RM415.5 juta oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

Syarikat-syarikat tersebut adalah Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn. Bhd. (Leong Hup), FFM Berhad (FFM), Gold Coin Feedmills (Malaysia) Sdn. Bhd. (Gold Coin), Dindings Poultry Development Centre Sdn. Bhd. (Dindings) dan PK Agro-Industrial Products (M) Sdn. Bhd. (PK Agro).

Denda terbesar dikenakan terhadap Leong Hup iaitu sebanyak RM157 juta, diikuti Gold Coin (RM97.5 juta), Dindings (RM70 juta), PK Agro (RM47.8 juta) dan FFM (RM42.6 juta).

Sebelum ini, Pengerusi Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman juga pernah mendedahkan, pengilang mula menurunkan harga padi disebabkan permainan harga oleh kartel-kartel yang menguasai 80 peratus pasaran beras negara.

Dakwa Marzukhi, syarikat-syarikat berkenaan bukan sahaja mempunyai kilang-kilang beras tetapi merangkumi syarikat pemborong dan pembungkusan beras sendiri yang bermain harga di sebalik kenaikan harga beras import.

Sementara itu, Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban pula berkata, ketiadaan bekalan beras tempatan didakwa berpunca daripada permainan kartel-kartel ini.

Katanya, ia bukan perkara baharu dengan kerajaan perlu segera mengenakan tindakan tegas kepada pihak tidak bertanggungjawab ini demi kepentingan pesawah di negara ini.

"Masalah ketiadaan beras tempatan Insya-Allah boleh selesai jika kartel-kartel ini dikenakan tindakan tegas sekali gus memberi peringatan kepada mereka. Jika tidak masalah sama akan terus berulang.

"Dalam masa sama, bagi mengatasi masalah ini dalam jangka masa panjang, kerajaan juga perlu mewujudkan agensi bagi menguruskan perkara berkaitan padi ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/12/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 6 |

# Banjir tenggelamkan kandang ternakan

**KUALA BERANG** - Setelah beberapa hari bermalam di kandang kerana risaukan 14 lembu dan kerbau, akhirnya Mohd Rosli Mejas terpaksa meninggalkan haiwan ternakannya apabila gelombang ketiga banjir kini menyaksikan kandang di Kampung Pengkalan Ajal itu dinaiki air hampir satu meter.

Selepas terselamat daripada dua gelombang awal banjir, penternak berumur 55 tahun itu berkata, haiwan ternakannya kini terpaksa berendam dalam kandang yang dinaiki air.

"Hari ini (Rabu) sudah empat hari kandang saya dilanda banjir. Alhamdulillah, ternakan semuanya selamat namun saya risau keadaan mereka. Kandang saya juga selamat cuma karpet lembu sahaja dihanyutkan air.

"Petang semalam (Selasa) saya terpaksa hubungi orang kampung untuk ambil saya menggunakan bot mereka sebab bekalan makanan sudah habis dan laluan juga terputus untuk saya balik sendiri," katanya. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/12/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 8 |

# Terpaksa tinggal ternakan akibat stok makanan terputus

**Kuala Berang:** Selepas beberapa hari bermalam di kandang lembu tenusu dan kerbau peliharaan, Mohd Rosli Mejas akhirnya terpaksa meninggalkan haiwan ternakan apabila gelombang banjir ketiga menyebabkan kandangnya di Kampung Pengkalan Ajal ditenggelami banjir sedalam hampir satu meter.

Selepas terselamat dalam dua gelombang awal banjir baru-baru ini, penternak berumur 55 tahun itu berkata, haiwan ternakannya terpaksa berendam dalam kandang dinaiki air.

"Hari ini (semalam) sudah empat hari kandang saya dilanda banjir. Alhamdulillah, ternakan saya semuanya selamat. Namun jujurnya saya risau keadaan ternakan.

"Petang semalam (kelmarin) saya terpaksa hubungi orang kampung untuk mengambil saya menggunakan bot disebabkan bekalan makanan saya sudah habis dan laluan juga terputus," katanya.

Dia memberitahu akan kembali semula ke kandangnya dalam masa terdekat sebaik sahaja laluan untuk ke sana selamat digunakannya kelak.

Sebelum ini Mohd Rosli terpaksa bermalam di kandangnya itu bersama isteri ketika banjir gelombang kedua berikutan khuatir keadaan ternakannya.

Meskipun tiada ternakannya yang lemas dalam kejadian banjir itu, namun bekas pemandu lori itu berkata kesihatan lembu dan kerbaunya merosot sehingga memerlukan dia memberi suntikan vaksin kepada ternakannya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/12/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 6 |

# Sangkar ikan ditambat ke pokok elak dihanyut arus deras

**Kuala Krai:** "Banjir kali ini disifatkan luar biasa berikutan paras air Sungai Kelantan di Kampung Batu Lada di sini, naik mendadak lebih 11 meter. Arus deras hampir menghanyutkan sangkar berisi lebih 10,000 ikan pelbagai spesis," ujar Rohaimin Yusoff, 51.

Dia bagaimanapun bernasib baik berikutan sempat melakukan persiapan awal dengan mengikat 15 sangkar ternakannya pada pokok di tebing sungai selain menggunakan tali



ROHAIMIN mengetatkan ikatan tali. - Gambar NSTP/ HAZIRA AHMAD ZAIDI

tambahan bagi mengurangkan impak sangkar ikannya dihanyutkan arus deras banjir.

Katanya, dia menternak lebih 10,000 ikan spesis keli, baung dan tilapia yang sudah matang dan sedia untuk dijual kepada peniaga restoran dan pasar di sekitar Kuala Krai.

"Pada pagi Ahad lalu, paras air sungai naik mendadak selepas hujan lebat berterusan. Susulan itu saya memantau keadaan paras air sungai dan pergerakan sangkar ikan setiap sejam sekali," katanya di sangkar ikan miliknya, di Kampung Batu Lada, di sini, semalam.

Rohaimin berkata, sangkar ikannya perlu diletakkan jauh dari tebing sungai bagi mengelak dihanyutkan ke darat.

Katanya dia mula menternak ikan sangkar pada Januari 2021 bagi menambah pendapatan keluarga ketika negara berdepan dengan pandemik Covid-19.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/12/2023 | HARAKAH | KELANTAN | H13 |

# Projek Nucleus Green Valley ikut piawaian JAS

**KOTA BHARU:** Projek Nucleus Green Valley Lojing (NGVL) menjadi contoh projek tanaman bersepadu tanah tinggi mengikut piawaian yang ditetapkan kerajaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, piawaian ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS), iaitu memenuhi Penilaian Impak Alam Sekitar, Pelan Pengurusan Alam Sekitar.

Katanya projek itu dicetuskan pada akhir tahun 2010 oleh Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dengan kerjasama Fresh Momentum Sdn Bhd (FMSB).

"Pelan Kawalan Hakisan Tanah dan Kelodakan serta Kelulusan Kebenaran Merancang bagi kerja-kerja di Tanah Tinggi Lojing adalah antara yang perlu diikuti.



Pertukaran Dokumentasi Perjanjian Sambungan Pajakan Tanah Projek Nucleus Green Valley Lojing.

"Keluasan tanah bagi Projek NGVL seluas 213.4 ekar dengan lokasi melebihi 1,000 meter daripada aras laut.

"Puncak tertinggi Lojing Highlands 2,000 meter yang merupakan titik ketinggian antara Masjid Keputeraan Long Tan, Lojing Highlands," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian pada majlis Pertukaran Dokumentasi Perjanjian Sambungan Pajakan Tanah Projek Nucleus Green Valley Lojing (NGVL) dan Penyerahan 'share' Ladang Anggur Lojing-Agro Pelancongan di antara KPKB dengan Fresh Momentum Sdn Bhd.

KPKB diwakili oleh Pengurus Besar, Mohd Mukhlis Mukhtar manakala FMSB diwakili Chai Meng Tut.

Turut hadir Timbalan Exco, Dato' Shaari Mat Hussain, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelanran (PKINK), Ab Aziz Yunus; Timbalan Pengarah Pejabat Tanah dan Galian, Kamarulzaman Abd Wahab dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKINK, Dato' Zamri Ismail.

Permulaan pajakan tanah oleh FMSB pada Disember 2010 bagi tempoh 33 tahun dan sehingga 2023 yang melibatkan pelaburan sebanyak RM25 juta. Fokus tanaman ialah tomato dan lada benggala.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/12/2023 | HARAKAH | UTARA | H16 |

# Masalah petani di Kuala Kedah akan dibentang - *Dr Fakhruddin*

Oleh **SARINA ISMAIL**

**KUALA KEDAH:** Masalah serta keperluan para petani (pesawah) khususnya di Kuala Kedah akan dibentang dalam sesi perbahasan atau soalan lisan pada persidangan dewan Rakyat nanti.

Demikian jelas Ahli Parlimen Kuala Kedah, Dr Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi ketika pertemuannya bersama para pesawah di Laman Masjid Kampung Hutan, Padang Hang, sebelum ini.

Katanya, antara perkara yang ditimbulkan adalah berkaitan penanaman padi, saliran dan lain-lain hal berkaitan.

Selain itu, para pesawah juga inginkan penjelasan berkaitan benih padi sah (bps), kemudahan bantuan vetarinar, peluang usahawan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) serta saliran tali air sawah padi.



Sebahagian para petani yang hadir di Laman Masjid Kampung Hutan, Padang Hang. Anak Bukit.

"Maklumat terus dari para pesawah tentang permasalahan yang berlaku akan saya bawa ke persidangan Dewan Rakyat nanti agar diambil perhatian oleh kementerian berkaitan," kata beliau.

Selain itu, ujarnya, Projek Tebatan Banjir di Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit juga menjadi perbualan hangat para peserta yang inginkan penjelasan lebih tuntas.

Perjumpaan Santai Bersama Pak Tani itu merupakan anjuran Pusat Khidmat Wakil Rakyat (PKWR) DUN Anak Bukit dengan kerjasama Parlimen Kuala Kedah.

Sesi Santai Bersama itu turut dihadiri Exco Pertanian, Perladangan dan Pengangkutan, Dzowahir Abd Ghani bersama agensi kerajaan berkaitan.

Dalam pada itu Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Anak Bukit, Rashidi Razak turut merangka perjumpaan bersama nelayan darat, Kuala Kedah, pada masa akan datang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/12/2023 | HARAKAH | PERLIS | H23 |


MB menyerahkan kunci dan dokumen PSN.


Salah seorang nelayan menerima PSN.

# 17 nelayan terima manfaat projek PSN

Oleh **NOOR SARA MASHITOH MOHAMAD HANIF**

**KANGAR:** Seramai 17 orang nelayan menerima manfaat dari Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) Fasa Satu di Taman Wai Permai, Kuala Perlis di sini.

Menteri Besar, Mohd Shukri Ramli berkata, projek tersebut dibangunkan di atas tanah milik kerajaan negeri bagi meningkatkan kualiti hidup nelayan di negeri Perlis.

"Projek ini menelan belanja sebanyak RM10.54 juta di bawah Tabung Khas Perumahan Nelayan (TKPN) merangkumi satu blok rumah kediaman pangsa lima tingkat.

"Ia berjumlah 60 unit rumah termasuk pembinaan kemudahan awam seperti surau dan dewan," ujarnya ketika majlis penyerahan kunci kepada penerima berkenaan, di sini pada Rabu, 20 Disember lepas.

Menurut Mohd Shukri, pemilihan nelayan untuk projek tersebut diselaraskan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dengan kerjasama Persatuan Nelayan negeri.

"Keutamaan diberikan kepada golongan nelayan yang tidak mempunyai rumah dan tanah menerusi kaedah tawaran secara jual beli dengan harga jualan seunit rumah RM50,000.

"Sehingga kini, sebanyak 56 unit rumah telah dibuat tawaran kepada pemohon yang berjaya dan daripada jumlah itu, 17 pemohon mendapat kelulusan pembiayaan perumahan," katanya lagi.

Kemudahan pinjaman perumahan kepada golongan sasaran telah ditawarkan oleh AGRO BANK melalui skim Program Kediaman Mampu Milik-i (PKMM) bagi memberi kemudahan pinjaman wang untuk memiliki rumah mereka

# Karnival Mini Ruminan Perlis berjaya tarik 10,000 pengunjung



Menyerahkan hadiah kepada peserta.

**PADANG BESAR:** Karnival Mini Himpunan Ruminan Negeri Perlis yang berlangsung selama tiga hari bermula 22 Disember hingga 24 Disember menarik lebih 10,000 pengunjung.

Himpunan julung kali itu dianjurkan oleh Persatuan Penternak Ruminan Negeri Perlis dengan menghimpunkan 44 ekor lembu sado atau baka Hybrid.

Spesis lembu tersebut dianggarkan setiap seekor mempunyai berat kira-kira 500 kilogram.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan Dan Industri Makanan Negeri, Razali Saad berkata, pelbagai acara turut diadakan bagi memeriahkan program demikian.


MB dan Razali bersama para peserta yang hadir.

"Di samping memberi peluang kepada pengunjung hadir melihat sendiri baka lembu ini, pelbagai acara turut berlangsung antaranya Pertandingan Lembu Sado dan Pertandingan Kambing Pejantan Terbaik.

"Untuk tahun hadapan sempena Tahun Melawat Perlis 2024, kita akan adakan secara peringkat kebangsaan terutama sekali peringkat utara, wilayah utara, Perak utara, Pulau Pinang, Kedah dan juga Perlis dan kita akan buka untuk peringkat kebangsaan," katanya.

Razali berkata demikian ketika Majlis Penutupan Karnival Mini Himpunan Ruminan Negeri Perlis di Taman Agrovet,di sini, yang disempurnakan Menteri Besar, Mohd Shukri Ramli.

Jumlah ternakan lembu di negeri itu adalah sebanyak 5,964 ekor dengan 40 peratus daripadanya adalah lembu betina berdasarkan bancian ternakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi tahun 2022 hingga 2023.

Daripada keseluruhan bilangan itu, sebanyak 15 peratus lembu betina dijalankan permanian beradas untuk mendapatkan anak lembu baka hybrid atau baka sado dengan bilangan lembu sado induk dalam negeri adalah sebanyak 631 ekor.